

## KEPERLUAN SISTEM CROWDFUNDING DALAM MEMBANTU PESAKIT JANTUNG DI MALAYSIA KE ARAH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Azman Ab Rahman<sup>i</sup>, Wan Muhammad 'Irfan Wan Mohd Nazirin<sup>ii</sup>, Muhammad Faiz Abd. Shakor<sup>iii</sup>, Nurul Nadia Nozlan<sup>iv</sup>, Afaf Sukari<sup>v</sup>, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi<sup>vi</sup>, Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>vii</sup>

<sup>i</sup>(Penulis Koresponden) Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>ii</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [wanirfanofficial@gmail.com](mailto:wanirfanofficial@gmail.com)

<sup>iii</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [faizshakorkisas@gmail.com](mailto:faizshakorkisas@gmail.com)

<sup>iv</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [nunadianurul@gmail.com](mailto:nunadianurul@gmail.com)

<sup>v</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [afasukari97@gmail.com](mailto:afasukari97@gmail.com)

<sup>vi</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, [husein@usim.edu.my](mailto:husein@usim.edu.my)

<sup>vii</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, [mfirdaus.rahman@usim.edu.my](mailto:mfirdaus.rahman@usim.edu.my)

### Abstrak

*Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 merupakan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil. Terdapat tujuh teras strategik bagi merealisasikan dasar kerajaan ini antaranya ialah kesejahteraan sosial, modal sosial, modal insan dan lain-lain. Teras ketujuh strategik iaitu modal sosial yang mempunyai beberapa sasaran bagi meningkatkan positif indeks termasuk indeks kesihatan rakyat dilihat amat bertepatan dengan konsep crowdfunding bagi pesakit jantung di Malaysia bagi mencapai gagasan WKB 2030. Sistem crowdfunding merupakan salah satu kaedah pengumpulan dana melalui capaian internet menerusi laman sesawang yang dikhususkan kepada orang ramai untuk memberi sumbangan dengan lebih cepat. Kaedah ini sebenarnya menggalakkan orang ramai saling bantu-membantu antara satu sama lain. Namun, di Malaysia, penggunaan sistem crowdfunding dalam konteks bantuan dana bagi pesakit jantung masih lagi di tahap yang rendah. Oleh itu, penggunaan sistem crowdfunding dilihat amat penting untuk dilaksanakan bagi mencari dan mengumpul dana pesakit jantung yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti sistem crowdfunding yang telah dilaksanakan di Malaysia termasuk mengkaji keperluan pembangunan sistem crowdfunding dalam membantu pesakit jantung. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati sistem crowdfunding bagi mengumpul dana kos rawatan kepada pesakit jantung di Malaysia amat perlu dibangunkan dan diperhalusi sebaik mungkin oleh pihak yang ingin menyediakan sistem ini di samping kerjasama erat bersama pihak IJN dan mereka yang ingin membantu dalam menjayakan projek ini. Kajian lanjutan berkaitan penggunaan*

*sistem crowdfunding yang lebih sistematik dan berpusat perlu dilaksanakan dalam usaha mengurangkan bebanan serta permasalahan yang berlaku kepada masyarakat hari ini terutama golongan pesakit jantung.*

*Kata Kunci: Crowdfunding, Bantuan, Pesakit Jantung, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Malaysia.*

## PENDAHULUAN

Tun Dr Mahathir Mohamad selaku bekas Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan Tahun Baharu 2020 menyeru kepada rakyat di negara ini agar bersama kerajaan dalam pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Sinar Harian, 2019). Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun seiring dengan kepesatan ekonomi yang membangun secara adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan (Wawasan Kemakmuran Bersama, 2020). Usaha ini akan diteruskan bagi mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa (Tun Dr Mahathir, 2020).

Menurut buku ringkasan WKB 2030, matlamat utama WKB 2030 ini adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Terdapat tiga objektif utama dasar ini dibuat iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta negara bersatu, makmur dan bermaruah. Manakala kerajaan menetapkan 7 teras strategik WKB 2030 antaranya ialah ekosistem perniagaan dan industri, aktiviti pertumbuhan ekonomi utama, modal insan, pasaran buruh dan pampasan pekerja, kesejahteraan sosial, keterangkuman wilayah dan modal sosial. Bagi menjamin kelangsungan dasar ini, kerajaan menunjukkan lapan pemboleh daya WKB 2030 bagi menyokong 7 teras strategik yang diperkenalkan seperti modal kewangan, masyarakat berpencerahan, pendidikan, modal sosial dan lain-lain. Teras ketujuh strategik iaitu modal sosial yang mempunyai beberapa sasaran bagi meningkatkan positif indeks termasuk indeks kesihatan rakyat dilihat amat bertepatan dengan konsep crowdfunding bagi pesakit jantung di Malaysia bagi mencapai gagasan WKB 2030.

Kepesatan perkembangan teknologi memberi jalan yang lebih luas untuk mengembangkan sesuatu projek atau kajian yang mendalam. Segala informasi senang untuk didapatkan dengan hanya klik di laman sesawang terus keluar perkara yang ingin dicari. Setiap pembelian, penjualan atau pemberian dapat dilakukan melalui peranti masing-masing termasuk sumbangan untuk pesakit boleh disalurkan melalui bank yang telah ditetapkan dan hanya menggunakan online banking untuk bayarannya. Orang ramai kini mempunyai pelbagai pilihan untuk menyumbang

kepada mereka yang memerlukan khususnya pengguna internet, sumbangan boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem crowdfunding yang dibangunkan.

Pasaran crowdfunding telah berjaya berkembang dan menjadi kaedah baharu pembiayaan kepada syarikat yang baru hendak mula, projek seni visual dan muzik, saintifik penyelidikan, inovasi teknologi dan projek masyarakat setelah dua dekad dulu (Agnes, 2020). Crowdfunding adalah satu jalinan sosial yang menggunakan internet dan masyarakat dalam talian untuk menyebarkan berita mengenai produk atau projek. Crowdfunding adalah tempat sebilangan besar orang ramai menyokong sesuatu produk atau projek dengan memberikan sejumlah wang yang kecil sama ada sebagai balasan untuk hadiah, sumbangan, atau berpotensi sebagai ganti ekuiti (Wicks, 2013).

Crowdfunding menjadikan projek pembiayaan dan kaedah pembiayaan lebih demokratik (Kuti & Madarasz, 2014). Menurut Bassani et al. (2019) melaporkan bahawa terdapat 76 platform pendanaan orang ramai yang beroperasi di seluruh dunia telah meningkat sebanyak 132 juta dolar pada Oktober 2017; dan bilangan kempen crowdfunding yang berkaitan dengan kesihatan mencapai 13,633. Di Malaysia, antara instrumen crowdfunding yang telah dijalankan seperti Sadaqa House, Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, IJN Foundation dan lain-lain. Dengan adanya instrumen ini, sumbangan yang dapat dikumpulkan akan meningkat jika dicampur dengan semua pihak yang bertungkus-lumus untuk penjaan. Crowdfunding bukan hanya memberi kelegaan kepada banyak bilangan pesakit tetapi juga membantu mereka untuk mengelakkan terputusnya perubatan (Berliner & Kenworthy, 2007) dan (Burtch G & Chan J, 2014).

Walaupun terdapat institusi tertentu yang menyediakan kos perubatan seperti Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Tabung Bantuan Perubatan (TBP) tetapi pada hakikatnya, dana itu terhad, dan banyak orang mencari sumbangan untuk kos rawatan penyakit kronik atau pembedahan segera (Amir & Adib, 2016). Bahkan pertambahan pesakit menghadkan lagi dana yang sedia ada. Sememangnya tidak dijangka peratusan pesakit kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung agak tinggi di Malaysia. Menurut Timbalan Pediatrik dan Pusat Jantung Kongenital Institut Jantung Negara (IJN), Dr. Marhisham Che Mood (2019), dianggarkan lebih kurang 2,500 kes jantung kanak-kanak berlaku dalam tempoh setahun dan sebahagian besar daripada pesakit ini memerlukan bantuan. Menurut Pengerusi Yayasan IJN, Toh Puan Aishah Ong (2016), pada tahun lalu (2015), Yayasan IJN telah membelanjakan RM 3.5 juta bagi membantu 124 pesakit dengan 71 dewasa manakala 53 kanak-kanak. Tahun ini (2016), sebanyak RM 3.2 juta dibelanjakan kepada 137 pesakit, dewasa (73) dan kanak-kanak (64), ia menunjukkan peningkatan jumlah pesakit dan kami sentiasa berusaha untuk mendapatkan dana bagi membantu pesakit yang memerlukan. Dapat dilihat peratusan pesakit jantung kanak-kanak pada

dua tahun yang berbeza menunjukkan peningkatan yang mendadak sehingga menyamai peratusan orang dewasa. Tidak lupa juga pada pesanan Toh Puan Aishah Ong, tentang dana yang sentiasa diperlukan bagi pesakit jantung.

## DAPATAN KAJIAN

### Konsep Sistem Crowdfunding

Konsep crowdfunding dikenali sebagai rakan dan pembiayaan keluarga (Bank Dunia, 2013) secara tidak langsung akan membentuk semangat tolong-menolong dalam masyarakat atau altruisme. Altruisme adalah niat murni demi Allah dalam amal yang diberikan kepada orang lain (Ismail et al. 2015). Perbuatan amal crowdfunding dikenali dengan jenis dermawan (Gerber & Hui, 2014). Menurut Kamus Dewan (Edisi ke-4), dermawan didefinisikan sebagai seorang yang suka menderma (murah hati). Manakala Islam menggalakkan umatnya untuk melakukan kebaikan tidak kira berbentuk harta, kudrat atau sedekah yang dapat membantu seseorang yang lain. Sedekah ia tidak mengurangkan harta bahkan diberi kemuliaan oleh Allah S.W.T. Rasulullah SAW telah berjanji dengan sabdanya,

*"Tidak akan dikurangi harta dengan sebab bersedekah, Allah tidak menambah keampunan seseorang hamba melainkan seseorang itu ditambah dengan kemuliaan. Tidaklah seseorang itu merendah diri kerana mengharapkan keredaan Allah melainkan akan diangkat darjatnya,"*

(Hadis Riwayat Muslim)

Platform crowdfunding adalah laman sesawang untuk memohon pembiayaan melalui panggilan terbuka dan dapat menunjukkan maklumat tentang projek yang ingin dilaksanakan oleh pengurus, pengusaha dan pemula projek. Dengan adanya teknologi digital, pihak penyumbang mempunyai peluang yang lebih cerah untuk melayari laman web ini dengan mudah dan murah. Oleh itu, platform ini sangat membantu dalam pengumpulan dana (Kuti & Madarasz, 2014). Selain itu, crowdfunding juga dikategorikan sebagai kaedah pendanaan yang melibatkan orang ramai (Fateha, 2018). Perkataan crowdfunding dikenali sebagai crowdsourcing yang merujuk kepada tugas penyumberan luar yang besar, bilangan individu yang selalu tidak diketahui iaitu "orang ramai" (ia merujuk: komuniti Internet) dan melibatkan aset, sumber, pengetahuan dan kepakaran mereka (Hemer, 2011).

Sejarah awal crowdfunding tercipta di Malaysia apabila Peter Teo yang merupakan ejen insurans telah memulakan pengumpulan dana untuk mengadakan siaran langsung Piala Dunia ketika itu (Norhafiza, Faizah & Zaemah, 2017). Dengan adanya platform crowdfunding, projek sosial lebih terarah kepada penjagaan kesihatan, bantuan ke negara-negara membangun, pembasmian kemiskinan,

penyebaran teknologi baharu, sokongan gerakan demokratik dan lain-lain (Hemer, 2011). Ini membuktikan crowdfunding merupakan satu platform yang memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan bagi penjagaan kesihatan yang baik.

Crowdfunding terbahagi kepada empat bahagian iaitu *donation-based crowdfunding* (crowdfunding berasaskan sumbangan), *reward-based crowdfunding* (crowdfunding berasaskan ganjaran), *lending-based crowdfunding* (crowdfunding berasaskan pinjaman) dan *equity-based crowdfunding* (crowdfunding berasaskan ekuiti). Berdasarkan pembahagian tersebut, donation-based crowdfunding menjadi pilihan dalam pembaitan sistem crowdfunding untuk pesakit jantung. Donation-based crowdfunding didefinisikan sebagai pendanaan yang dilakukan secara sukarela bukan untuk keuntungan semata-mata. Oleh itu, masyarakat dapat memberi sumbangan terhadap individu atau NGO yang memohon pendanaan secara terbuka (Cita, 2018).

Crowdfunding menunjukkan perkembangan baik dalam kegiatan sosial di era digital ini (Eka, Quratol & Reza, 2020). Tambahan pula, sistem ini akan memudahkan masyarakat atau para penyumbang untuk melakukan kebaikan dengan cepat hanya menerusi online. Mengikut peredaran zaman sebelum ini, dapat dilihat pengumpulan dana dilakukan melalui offline tetapi dengan kehadiran internet, sumbangan dapat dilakukan melalui online (Nurul & Irwasnyah, 2019). Di samping itu, segala kempen tentang crowdfunding lebih mudah disebarkan melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram yang ramai penggunaanya. Kajian menunjukkan antara kebaikan sistem crowdfunding adalah fungsinya sama dengan media sosial, di mana pengasas dapat berhubung secara peribadi dan dapat berkomunikasi dengan ramai pengunjung yang berminat dengan projek di samping menarik minat mereka untuk mengikuti projek (Kuti & Madarasz, 2014).

## PERBINCANGAN

### **Amalan Sistem Crowdfunding Terhadap Pesakit Jantung**

Sistem crowdfunding negara Malaysia sangat terkehadapan berbanding negara jiran, Indonesia. Menurut Arief dan Fatichatur (2019), Indonesia masih belum dapat menandingi India dan Malaysia dari segi hasil crowdfunding. Ini membuktikan Malaysia mempunyai satu sistem crowdfunding yang sangat baik bagi mengurus pendanaan yang melibatkan angka yang begitu besar untuk satu-satu masa, mungkin akan mencapai ratusan juta atau billion. Namun, sistem crowdfunding untuk pesakit jantung termasuk kanak-kanak masih berada di tahap yang rendah. Menurut Berita Harian (2021), dua kanak-kanak bakal menjalani pembedahan jantung berlubang dengan kos RM 60,000 setiap orang menjadikan kos keseluruhan mereka berjumlah RM 120,000 yang diperlukan. Ia merupakan satu jumlah yang mengkusarkan hati ibu

bapa mereka untuk mencarinya dalam masa yang singkat. Maka sistem crowdfunding dilihat mampu untuk membantu mereka yang terlibat yang mana orang awam serta masyarakat sekitar dapat memperoleh informasi yang betul daripada agensi yang berkaitan dan seterusnya dapat menyumbang dengan lebih cepat dan pantas demi pesakit jantung.

Antara contoh sistem crowdfunding yang telah wujud ialah laman sesawang MyFundacion.com yang sedang giat aktif mengumpulkan dana buat pesakit-pesakit muda dan tua. Manakala satu lagi contoh crowdfunding iaitu dari Program MyHeart Siri ke-3 yang berjaya mengutip sebanyak RM 97,477.33 daripada sasaran awal RM 50,000. Menurut Pengasas Yayasan MyPrihatin, Muhd Al-Bazly Bakar (2019), dana ini akan digunakan untuk menampung kos logistik dan sara pesakit jantung termasuk kanak-kanak. Selain itu, terdapat beberapa lagi agensi yang bertungkus-lumus dalam mengutip sumbangan kepada pesakit jantung. Di samping itu, terdapat beberapa individu menggunakan inisiatif mereka sendiri dengan memohon sumbangan melalui media sosial yang senantiasa hangat dengan isu-isu semasa tanpa mengharapkan bantuan kerajaan. Terdapat juga yang telah membuat tabung derma kilat dan membuat kutipan selepas setiap kali solat fardu untuk membantu sesama jiran tetangga (Sinar Harian, 2019). Sebenarnya, banyak kaedah yang dapat digunakan untuk mengumpul dana sama ada secara offline seperti tabung bergerak atau online seperti laman sesawang. Bergantung pada mana kaedah yang lebih efektif dan cepat bagi memudahkan sesuatu urusan.

Projek-projek kebajikan di Malaysia banyak digerakkan melalui badan bukan kerajaan (non-government organisations-NGO) melalui laman rasmi dan media sosial mereka berdasarkan tujuan tertentu contohnya NGO yang memberi bantuan untuk rakyat Palestin (AmanPalestin.net) dan Syria (Syriacare.org.my), PERTIWI Soup Kitchen (Hasan & Ab.Rahman 2012). Namun jika dilihat dari sudut industri pendanaan awam, ia masih lagi kurang dalam mewujudkan platform pendanaan awam bertujuan kebajikan yang berfokus dalam menyediakan pelbagai projek kebajikan seperti platform pendanaan awam di negara lain. Di Malaysia, antara platform sistem crowdfunding yang telah aktif seperti Skolafund yang didirikan bagi membantu pihak yang memerlukan bantuan pendidikan, Arba Foundation pula untuk membantu para ibu dan bayi-bayi miskin mendapatkan keperluan asas yang cukup (Izzati, Shahida & Latifa 2020).

### **Manfaat Dan Pelaksanaan Sistem Crowdfunding Kepada Pesakit Jantung**

Sistem crowdfunding yang betul dan dipercayai cukup memberi kesan kepada pengumpulan dana pesakit jantung yang mana dana dapat dikumpul dengan begitu cepat dan pantas dalam jumlah yang banyak. Di samping itu, crowdfunding digunakan untuk menampung perbelanjaan perubatan, sebagai contoh kekurangan

perlindungan insurans untuk rawatan penting atau tidak penting bagi perubatan atau untuk campur tangan di dalam atau luar negara (Snyder et al. 2016). Penyelidikan menunjukkan bahawa salah satu kelebihan terbesar dari crowdfunding adalah fungsinya sama dengan media sosial, boleh berhubung secara peribadi dan berkomunikasi dengan sebilangan besar pengunjung yang berminat dengan projek masa depan serta menarik minat mereka (Kuti & Madarasz, 2014).

Faktor terkuat dalam crowdfunding berdasarkan sumbangan adalah penyertaan dalam komuniti atau sosial (Ordanini et al. 2011). Crowdfunding yang berjaya apabila orang ramai bersatu memberi bantuan tidak kira sedikit atau banyak. Di samping itu, ada dua tahap psikologi yang memainkan peranan dalam keputusan penderma. Salah satunya ialah simpati, penderma lebih cenderung menyokong mereka yang bersimpati dengannya, atau mereka yang rapat dengannya, rakan karib atau saudaramara yang menghadapi masalah yang sama dengan mereka atau orang yang dekat dengan mereka pernah menghadapi situasi yang sama. Tahap kedua kesan psikologinya seperti pertimbangan rasional iaitu penderma cenderung menyokong pemula projek yang memerlukan sokongan daripada sumbangan tersebut (Loewenstein – Small, 2007).

Isu tentang bantuan kepada pesakit jantung menggunakan sistem crowdfunding diyakini dapat mengurangkan bebanan ibu bapa untuk menanggung kos pembedahan yang tinggi. Menurut Bakhtiari & Meisami (2010), isu yang timbul dalam penjagaan kesihatan adalah berkaitan dengan kos rawatan apabila melebihi keupayaan individu untuk menanggung kos. Ibu bapa yang hanya bekerja kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dapat menyara keluarga mereka demi sesuap nasi untuk seharian. Kos rawatan yang tinggi mungkin tidak dapat ditanggung oleh ibu bapa yang diuji anaknya sakit seperti sakit jantung yang menelan kos berpuluh ribu. Oleh itu, sistem crowdfunding untuk pesakit jantung termasuk kanak-kanak amatlah efektif untuk kelangsungan hidup di masa akan datang jika diberi rawatan awal.

Di samping itu, melalui sistem crowdfunding, orang awam akan memperoleh nilai kepercayaan yang tinggi terhadap sistem crowdfunding jika saluran yang digunakan betul. Terdapat beberapa faktor yang ada pada kempen itu yang memberi tindak balas positif yang melahirkan nilai kepercayaan orang ramai terhadap crowdfunder (pihak yang memerlukan dana dan yang mengusahakan projek), sekaligus mempengaruhi keputusan dan niat mereka untuk menyumbangkan dana untuk tujuan kebajikan (Rodriguez-Ricardo et al., 2018 & Li et al., 2017) ataupun pelaburan.

Justeru, pembangunan laman sesawang sistem crowdfunding untuk pesakit jantung mestilah mempunyai ciri-ciri yang menarik dari segi penyampaian maklumat

dan keselamatan yang hebat untuk sistem. Hal ini demikian, laman sesawang atau platform sistem crowdfunding yang berkualiti mempunyai tiga (3) aspek utama iaitu: keselamatan, mudah dilayari dan tarikan visual yang menarik. Jika platform pendanaan awam mempunyai aspek ini, kepercayaan orang ramai terhadap informasi yang dipaparkan lebih tinggi (Gregg & Walezak, 2010). Orang ramai juga tidak lokek untuk menyumbang kepada projek kebajikan walau dengan nilai yang kecil setelah diteliti kepada jumlah dana yang diterima oleh crowdfunder melalui platform ini di seluruh dunia (Lee, 2016).

Terdapat pelbagai manfaat pembangunan sistem crowdfunding untuk pesakit jantung di Malaysia. Namun perkara ini perlu diperhalusi sebaik mungkin oleh pihak yang ingin menyediakan sistem ini di samping kerjasama erat bersama pihak IJN dan mereka yang ingin membantu dalam menjayakan projek ini.

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap keperluan pelaksanaan sistem crowdfunding untuk pesakit jantung, penulis ingin mencadangkan untuk menambahbaik dan memperkemaskan lagi sistem crowdfunding yang sedia ada kepada yang lebih baik dari segi sistem, pasaran dan lain-lain. Penulis mendapati pihak Institut Jantung Negara telah mempunyai laman sesawang untuk proses pendanaan, tetapi ia masih memerlukan kepada penambahbaikan yang baharu supaya laman sesawang ini lebih ramai yang mengetahui ekoran daripada pelbagai cerita yang telah keluar pada akhbar dan media sosial tentang permohonan sumbangan bagi pesakit jantung kanak-kanak khususnya.

Laman sesawang yang sedia ada boleh dinaik taraf kepada satu aplikasi khusus untuk orang ramai mudah menderma dengan hanya klik pada aplikasi. Dalam aplikasi tersebut, segala informasi dan notifikasi tentang perkara yang diperlukan bagi membantu pesakit jantung hendaklah diletakkan supaya penderma dapat mengetahui dengan lebih jelas seperti bilangan pesakit, alat rawatan, dan lain-lain. Selain itu, pihak yang menjaga sistem crowdfunding ini perlulah mempromosikan kepada orang ramai supaya mereka mengetahui bahawa ada sistem yang boleh dipercayai. Hal ini untuk mengelakkan daripada munculnya peminta sumbangan tipu yang kekadang tular dalam media sosial untuk kepentingan masing-masing. Oleh itu, aplikasi crowdfunding untuk pesakit jantung dilihat dapat mempercepatkan proses pembedahan mereka dengan cepat dan lancar tanpa adanya tempoh menunggu untuk kecukupan dana. Jelas dengan ini, pesakit jantung akan menikmati faedah yang besar melalui aplikasi crowdfunding.

## **KESIMPULAN**

Pembangunan sistem crowdfunding untuk pesakit jantung diyakini dapat membantu mereka untuk mendapatkan fasiliti serta kemudahan yang terbaik untuk rawatan. Di

samping itu, segala informasi dan aktiviti tentang pesakit jantung akan diketahui melalui sistem crowdfunding yang telah dibangunkan. Hal ini yang demikian dapat membantu menghubungkan pesakit jantung dengan komuniti dan masyarakat. Selain itu, sistem ini juga berfungsi kepada pesakit jantung untuk mendapatkan dana yang lebih banyak dari pelbagai sumber sama ada komuniti, masyarakat, syarikat dan organisasi awam. Semoga pembangunan sistem crowdfunding ini dapat dilaksanakan pada masa terdekat demi mencapai matlamat dan objektif WKB 2030.

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak International Fatwa and Halal Centre (IFFAH) USIM yang membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Khas USIM, bertajuk "Model Bersepadu Bantuan Infaq Rawatan Jantung Pesakit Kanak-Kanak Dalam Kalangan B40 Di Malaysia", Kod Penyelidikan: PPPI/KHAS\_IFFAH/USIM/19120. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## RUJUKAN

- Agnes Lubloy. 2020. Medical Crowdfunding in a healthcare system with universal coverage: an exploratory study. BMC Public Health. <https://doi.org/10.1186/s12889-020-09693-3> (diakses pada 18 Jun 2021).
- Andrea Ordanini, Lucia Miceli, Marta Pizzetti & A. Parasaman. 2011. *Crowdfunding: transforming customers into investors through innovative service platforms*. Journal of Service Management. Vol. 22. Penerbit Emerald Group Publishing Limited.
- Arief Yuswanto Nugroho & Fatichatur Rachmaniyah. 2019. Fenomena Perkembangan Crowdfunding Di Indonesia. EkoNika. Vol. 4, No.1, April 2019: 34-46 Doi: <http://dx.doi.org/10.30737/ekonika.v4i1.254> (diakses pada 07 Jun 2021).
- Astro Awani. 2019. 80 peratus kanak-kanak terima rawatan di IJN perlu bantuan dana rawatan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/80-peratus-kanakkanak-terima-rawatan-di-ijn-perlu-bantuan-dana-rawatan-219703> (diakses pada 26 Jun 2021).
- Berliner LS & Kenworthy NJ. 2017. Producing a worthy illness: personal crowdfunding amidst financial crisis. Soc Sci Med. 2007; 187:233–42. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2017.02.008> (diakses pada 18 Jun 2021).
- Buku Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. 2019. <https://www.epu.gov.my/en/wawasan-kemakmuran-bersama-2030> (diakses pada 10 Julai 2021).
- Cita Yustisia Serfiyani. 2018. Karakteristik Sistem Crowdfunding Sebagai Alternatif Pendanaan Industri Crowdfunding di Indonesia [:https://www.researchgate.net/publication/339379642\\_PEMANFAATAN\\_APLI](https://www.researchgate.net/publication/339379642_PEMANFAATAN_APLI)

[KASI MOBILE KITABISA DALAM PELAKSANAAN CROWDFUNDING DI INDONESIA](#) (diakses pada 13 Jun 2021).

- Dawn G. Gregg & Steven Walczak. 2010. *The relationship between website quality, trust, and price premiums at online auctions*. Electronic Commerce Research. 10: 1–25. Penerbit dblp computer science bibliography.
- Eka Purnama Harahap, Qurotul Aini & Reza Khaerul Anam. 2020. *Pemanfaatan Teknologi Blockchain Pada Platform Crowdfunding*. Technomedia Journal (TMJ). Vol.4(2) Penerbit iLearning Journal Center (iJC).
- Fateha. 2018. Sistem Pembiayaan Orang Ramai Untuk Kelab Di Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat. <http://www.ftsm.ukm.my/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2018-052.pdf> (diakses pada 31 Mei 2021).
- Gaia Bassani, Nicoletta Marinelli & Silvio Vismara. 2019. Crowdfunding in healthcare. *J Technol Transf.* Vol. 44(4). pp. 1290–310. [https://www.researchgate.net/publication/324666908 Crowdfunding in health care](https://www.researchgate.net/publication/324666908_Crowdfunding_in_health_care) (diakses pada 2 Julai 2021).
- George Loewenstein & Deborah A. Small. 2007. *The Scarecrow and the Tin Man: The Vicissitudes of Human Sympathy and Caring*. Review of General Psychology. Vol. 11, No. 2, pp. 112–126. Penerbit American Psychological Association.
- Gordon Burtch & Jason Chan. 2014. Reducing medical bankruptcy through crowdfunding: evidence from GiveForward. Proceedings of the international conference on information systems. <https://aisel.aisnet.org/icis2014/proceedings/ISHealthcare/35/> (diakses pada 18 Jun 2021).
- Habib Jamal, Sherwood Neiss & Sherwood Neiss. 2013. *Crowdfunding's Potential for the Developing*. Washington, DC: Penerbit World Bank.
- Harian Metro. 2019. Tampung kos logistic, sara diri penyakit. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/10/509923/tampung-kos-logistik-sara-diri-pesakit> (diakses pada 22 Jun 2021).
- Hemer & Joachim. 2011. *A Snapshot on Crowdfunding*. Arbeitspapiere Unternehmen und Region, No. R2/2011. Penerbit Fraunhofer Institute for Systems and Innovation Research ISI, Karlsruhe.
- Jeremy Snyder, Annalise Mathers & Valorie Crooks. 2016. *Fund my treatment: A call for ethics-focused social science research into the use of crowdfunding for medical care*. Social Science & Medicine. Vol. 169. England: Penerbit Elsevier Ltd.
- Mohd Adib Ismail, Nik Mohd Azim Nik Ab Malik & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. 2015. *Empowering the peripheral ummah Through Waqf*. Journal of Muamalat and Islamic Finance Research. Vol. 12(1), 29-43.
- Monika Kutu & Gabor Madarasz. 2014. Crowdfunding. *Public Finance Quarterly*, 59(3), 355-366. <https://www.proquest.com/scholarly-journals/crowdfunding/docview/1961508065/se-2?accountid=33993> (diakses pada 31 Mei 2021)

- Muhammad Amir Lutfi & Mohd Adib Ismail. 2016. *Sadaqah-Based Crowdfunding model for microfinancing and health care*. Journal of Muamalat and Islamic Finance Research. Vol.13. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norhafiza Nordin, Faizah Ismail & Zaemah Zainuddin. 2017. *Crowdfunding: A promising alternative to turn dreams into reality*. e-Academia Journal. Vol.6. Terengganu: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Norzuraida Hasan & Asmak Ab Rahman. 2012. Pengalaman Program Bantuan Makanan di Malaysia: Kajian di Pertubuhan Bukan Kerajaan (Ngo) Terpilih. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/IS/article/view/22627/11227> (diakses pada 10 Julai 2021).
- Nurul Hutami & Irwansyah. 2019. Pemanfaatan Aplikasi Mobile Kitabisa Dalam Pelaksanaan Crowdfunding di Indonesia. Jurnal Komunikasi. Vol.13. [https://www.researchgate.net/publication/339379642\\_PEMANFAATAN\\_APLIKASI\\_MOBILE\\_KITABISA\\_DALAM\\_PELAKSANAAN\\_CROWDFUNDING\\_DI\\_INDONESIA](https://www.researchgate.net/publication/339379642_PEMANFAATAN_APLIKASI_MOBILE_KITABISA_DALAM_PELAKSANAAN_CROWDFUNDING_DI_INDONESIA) (diakses pada 13 Jun 2021)
- Nur Izzati Jamaludin, Shahida Shahimi & Latifa Bibi Musafar Hameed. 2020. *Elemen Kepercayaan Sebagai Teras Sumbangan Melalui Pendanaan Awam Bertujuan Kebajikan*. Asian Journal of Accounting and Governance. Vol.13. Kajang: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sadegh Bakhtiari & Hossein Meisami. 2010. *An empirical investigation of the effects of health and education on income distribution and poverty in Islamic Countries*. International Journal of Social Economics. Vol. 37. Penerbit Emerald Group Publishing Limited.
- Sinar Harian. 2019. *WKB2030 Hadiah Untuk Anak Cucu Kita: Dr Mahathir*. <https://www.sinarharian.com.my/article/50701/BERITA/Nasional/WKB2030-hadiah-untuk-anak-cucu-kita-Dr-Mahathir> (diakses pada 10 Julai 2021).
- Ya-Zheng Li, Tong-Liang He, Yi-Ran Song, Zheng Yang & Rong-Ting Zhou. 2017. Factors impacting donors' intention to donate to charitable crowd-funding projects in China: a UTAUT-based model. Information, Communication & Society, 21:3, 404-415. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2017.1282530> (diakses pada 08 Julai 2021).
- Yi-Chieh Lee, Chi-Hsien Yen & Wai-Tat Fu. 2016. *Improving Donation Distribution for Crowdfunding: An Agent-Based Model*. In: Xu K., Reitter D., Lee D., Osgood N (eds) Social, Cultural, and Behavioral Modeling. SBP-BRiMS 2016. Lecture Notes in Computer Science 9708. Penerbit Springer International Publishing Switzerland 2016.
- Yusimi Rodriguez-Ricardo, Maria Sicilia & Manuela Lopez. 2018. *What Drives Crowdfunding Participation? The Influence of Personal and Social Traits*. Spanish Journal of Marketing – ESIC. 22(2): 163-182. Penerbit Emerald Publishing Limited.